



UPM Tempat Pertama Dua Ranking Berasingan: Webometrics dan 4icu.org University Web Ranking



SERDANG, 4 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) berada pada kedudukan pertama antara semua institusi pengajian tinggi dalam negara mengikut dua ranking berasingan iaitu Webometrics Ranking Web of World Universities dan 4icu.org University Web Ranking.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata menurut Webometrics Ranking peringkat Asia Tenggara, UPM berada pada kedudukan ke-11, diikuti USM di tempat ke-13, UTM ke-14 dan UM ke-16 sementara peringkat Asia UPM menduduki tempat ke-81 dan bagi peringkat dunia, UPM ke-686 daripada 8,000 universiti yang dinilai.

Katanya bagi 4icu.org University Web Ranking bagi Top 100 Universities and Colleges in Asia pula, tiga universiti dari Malaysia yang tersenarai ialah UPM pada kedudukan ke-52 diikuti USM tempat ke-74 dan UIAM ke-79.

“Kaedah ini memberikan ranking populariti untuk universiti dan kolej seluruh dunia berdasarkan populariti laman web mereka yang dapat membantu pelajar antarabangsa memahami populariti sesebuah universiti sesebuah negara,” katanya.

Webometric's Ranking dibuat oleh Cybermetrics Lab, Consejo Superior de Investigaciones Científicas (CSIC) iaitu pertubuhan penyelidikan saintifik awam Sepanyol berdasarkan kezahiran dalam web (web presence) yang mengukur aktiviti dan visibiliti sebagai petunjuk baik impak dan prestij sesebuah universiti.

Ketua Pegawai Teknologi dan Pengarah InfoComm Development Centre (iDEC) UPM, Prof. Madya Dr. Suhaimi Napis berkata Webometrics bukan ranking laman web tetapi ranking yang menunjukkan prestasi global UPM dalam komitmen pengajaran, hasil penyelidikan, prestij antarabangsa, serta jaringan masyarakat dan industri.

“Ia tidak mengukur rekabentuk laman web kerana pengukuran utama adalah terbitan kandungan terutamanya dokumen akademik akses terbuka,” katanya.

Beliau berkata bagi 4icu.org University Web Ranking, ianya berdasarkan satu algoritma terdiri dari tiga metriks web bebas dan tanpa bias yang diekstrak dari tiga enjin carian iaitu Google Page Rank, Yahoo Inbound Links dan Alexa Traffic Rank.

CybermetricsLab

“Pencapaian UPM kerana perkhidmatan pengkomputeran Grid di iDEC yang mendapat persijilan Enabling Grid for E-Science (EGEE) Eropah yang boleh diakses 24jam/7hari oleh ramai penyelidik seluruh dunia, sekaligus meningkatkan visibility yang menyumbang 50% dari keseluruhan penilaian.

“Ini adalah hasil dari Geran Antarabangsa Eropah (EU-FP7) bagi projek EUAsiaGrid di mana saya adalah penyelidik utama UPM sebagai rakan kerjasama projek tunggal dari kalangan universiti di Malaysia yang bernilai lebih RM5 juta yang diketuai oleh satu institusi di Itali,” kata Dr. Suhaimi.

Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Khairul Anuar Muhamad Noh dan Dr. Suhaimi Napis 019-3539955)